



Berbicara tentang solat, ada banyak cara untuk mencapai solat yang khusyuk, tapi saranan saya, tak perlu banyak tips atau petua untuk mencapai solat yang lebih khusyu. Tak perlu berlembar-lembar atau menghabiskan wang untuk membeli buku solat khusyu. Mari kita tanya pada Qur'an, bagaimana nak lakukan solat yang lebih khusyu.

4 Tips ini anda kena dicuba untuk mencapai solat yang lebih khusyu:

1. Jangan sekali-kali fikir bahawa kita akan masih hidup setelah menghabiskan solat ini.

Kita kena yakin jika solat ini ialah sebagai solat terakhir dikerjakan kita dimuka bumi ni, ramai kita dengar si fulan meninggal setelah selesai solat, si fulan meninggal setelah azan, imam fulan meninggal saat sujud dan sebagainya. Si fulan meninggal saat tengah judi, maksiat dan sebagainya juga.

Mungkinkah ini ialah solat terahir di dunia ? Selepas itu, kita harus relakan suami / isteri kita seorang diri, anak kita menjadi yatim piatu, mungkin nanti malam ialah malam pertama kehadiran kita di liang kubur, semua harta yang kita kumpulkan tak akan kita bawa, & menjadi hak saudara kita, wajah elok & cantik yg kita banggakan dalam sekejap akan berubah busuk.

2. WAJIB tahu erti setiap bacaan solat

Qs.4 *An-Nisaa'*:43. Hai orang-orang yang beriman, JANGANLAH kamu solat, sedang kamu dalam keadaan mabuk, SEHINGGA KAMU MENGERTI APA YANG KAMU UCAPKAN...

MABUK dalam ayat ini bukan saja boleh diertikan sebagai mabuk arak, tapi juga mabuk dunia, mabuk harta, mabuk tahta, mabuk cinta pun termasuk pula dalam hal yang mengganggu solat sehingga kita lupa/silap / tak sedar bacaan solat apa yang telah kita baca, bahkan selalu-nya kita lupa raka'at yang ke berapa.

Lebih baik membaca surah pendek yang kita tahu erti bacaan setiap kata-kata daripada membaca surat panjang yg kita tak tahu apa ertinya. Ingat, dalam Ayat diatas JANGANLAH KAMU SOLAT SEDANG KAMU TIDAK MENGERTI APA YANG KAMU UCAPKAN.

Jadi.. mohon kemaafan untuk pakcik, makcik, kakak, adik, abang yang masih belum faham erti bacaan iftitah, alfatihah, surah/ayat, ruku, i'tidal, sujud, duduk antara 2 sujud, tahiyat awal & akhir, maka WAJIB kena tahu & hafal maknanya. Lagi bagus jika kata demi kata.

Fokus dan khusyuk didalam sembahyang hanya boleh dicapai jika kita faham akan maksud kalimah yang di baca, baik dimulut atau di dalam hati, disini saya sertakan maksud bacaan tersebut untuk rujukan saya sendiri dan juga untuk rakan2 moga kita diberkati Allah selalu.. Amin

Fokus dan khusyuk didalam sembahyang hanya boleh dicapai jika kita faham akan maksud kalimah yang di baca, baik dimulut atau di dalam hati, disini saya sertakan maksud bacaan tersebut untuk rujukan saya sendiri dan juga untuk rakan2 moga kita diberkati Allah selalu.. Amin

- **Takbiratul-Ihram & Takbir**
Allah Maha Besar.
- **Doa Iftitah**

4 Petua Mudah - Untuk SOLAT KHUSYUK

Written by Al Khawarizmi

Monday, 19 April 2010 15:04 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 01:06

Allah Maha Besar dan segala puji bagi Allah dengan banyaknya. Maha suci Allah sepanjang pagi dan petang. Aku hadapkan wajahku bagi Tuhan yang mencipta langit dan bumi, dengan suasana lurus dan berserah diri dan aku bukan dari golongan orang musyrik. Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, matiku adalah untuk Allah Tuhan sekalian alam. Tidak ada sekutu bagiNya dan kepadaku diperintahkan untuk tidak menyekutukan bagiNya dan aku dari golongan orang Islam.

- **Al-Fatihah**

Dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Yang menguasai hari pembalasan. Hanya Engkaulah yang kami sembah dan hanya kepada Engkau kami mohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan jalan mereka yang Engkau murkai dan bukan jalan mereka yang sesat.

- **Bacaan ketika rukuk**

Maha Suci TuhanKu Yang Maha Besar dan dengan segala puji-pujiannya.

- **Bacaan ketika bangun dari rukuk**

Allah mendengar pujian orang yang memujinya.

- **Bacaan ketika iktidal**

Wahai Tuhan kami, bagi Engkaulah segala pujian.

- **Bacaan ketika sujud**

Maha suci TuhanKu yang Maha Tinggi dan dengan segala puji-pujiannya.

- **Bacaan ketika duduk di antara dua sujud**

Ya Allah, ampunilah dosaku dan rahmatilah daku, lindungilah daku, angkatlah darjatku, rezekikan daku, berilah aku petunjuk, selamatkanlah daku dan maafkanlah akan daku.

- **Bacaan ketika Tahiyat Awal**

Segala penghormatan yang berkat solat yang baik adalah untuk Allah.

Sejahtera atas engkau wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatannya.

Sejahtera ke atas kami dan atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawasanya Muhammad itu adalah pesuruh Allah. Ya Tuhan kami, selawatkanlah ke atas Nabi Muhammad.

- **Bacaan ketika Tahiyat Akhir**

Segala penghormatan yang berkat solat yang baik adalah untuk Allah.

Sejahtera atas engkau wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatannya.

Sejahtera ke atas kami dan atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawasanya Muhammad itu adalah pesuruh Allah. Ya Tuhan kami, selawatkanlah ke atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya. Sebagaimana Engkau selawatkan ke atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim. Berkatilah ke atas Muhammad dan atas keluarganya sebagaimana Engkau berkati ke atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim di dalam alam ini. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung.

- **Doa Qunut**

Ya Allah, berilah aku petunjuk sebagaimana orang-orang yang telah Engkau tunjuki. Sejahterakanlah aku sebagaimana orang-orang yang telah Engkau sejahterakan. Pimpinlah aku sebagaimana orang-orang yang telah Engkau pimpin. Berkatilah hendaknya utukku apa-pa yang telah Engkau berikan padaku. Jauhkanlah aku daripada segala kejahatan yang

4 Petua Mudah - Untuk SOLAT KHUSYUK

Written by Al Khawarizmi

Monday, 19 April 2010 15:04 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 01:06

telah Engkau tetapkan. Sesungguhnya hanya Engkau sahajalah yang menetapkan, dan tidak sesiapa pun yang berkuasa menetapkan sesuatu selain daripada Engkau. Sesungguhnya tidak terhina orang yang memperolehi pimpinanMu. Dan tidak mulia orang-orang yang Engkau musuhi. Telah memberi berkat Engkau, ya Tuhan kami dan maha tinggi Engkau. Hanya untuk Engkau sahajalah segala macam puji terhadap apa-apa yang telah Engkau tetapkan. Dan aku minta ampun dan bertaubat kepada Engkau. Dan Allah rahmatilah Muhammad, Nabi yang ummi dan sejahtera keatas keluarganya dan sahabat-sahabatnya

3. Ucapkan dengan **SUARA SEDANG/DI ANTARA KERAS & PERLAHAN** (((ini penting sangat)))

Qs. 17 Al-Israa':110 dan janganlah kamu mengeraskan suara mu dalam solat mu dan janganlah pula merendahnya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu".

Bila kita perlahankan suara atau cuma di dalam hati sahaja, maka terkadang fikiran kita akan melayang tak tentu arah.

4. Tuma'ninah

Perlahan, tidak terlalu cepat, dinikmati, dihayati, yakinkah kita jika 10 saat lagi masih hidup? Tuma'ninah ini termasuk 1 dari 13 rukun shalat. Selain 4 tips itu, disarankan pula agar:

- Berdoa sebelum solat, mohon perlindungan ALLAH dari godaan syaitan.
- Membunuh Egois & Sombong dalam diri

Qs.6 Al-An'aam:42 ... supaya mereka memohon dengan tunduk merendahkan diri.

Hilangkan rasa sombong pada diri, jangan berfikir selain solat, hilangkan apa yang telah dan akan kita lakukan. Bunuhlah semua yang berhubungan dengan aktiviti di dunia, fokus hanya pada ALLAH & erti bacaan solat. Menyedari dosa yang telah lalu.

4 Petua Mudah - Untuk SOLAT KHUSYUK

Written by Al Khawarizmi

Monday, 19 April 2010 15:04 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 01:06

Lagi bagus jika Zuhur, Asar & Isya' berzikir pendek. Lalu Solat Fajar & Maghrib berzikir panjang.

Apa salah satu tandanya solat anda diterima?

Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji & mungkar.

Qs. 29 Al-'Ankabuut: 45

[BACA JUGA ARTIKEL TENTANG RAHSIA KEBAIKKAN SOLAT DARI SEGI SAINS DAN KESIHATAN. MOHON TUAN/PUAN KLIK DISINI..](#)



4 Petua Mudah - Untuk SOLAT KHUSYUK

Written by Al Khawarizmi

Monday, 19 April 2010 15:04 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 01:06



 **KLIK DI SINI !**
KEMBALI KE KOLEKSI UTAMA ARTIKEL

[Banyak Petua Mudah Untuk Menghadapi Masalah Penyakit, Klik di sini untuk mengetahui lebih lanjut.](#)

